

22 MAC 2018

Sumbat 176kg ganja dalam bonet kereta



MOHAMAD SALLEH (empat dari kanan) menunjukkan rampasan dadah di IPD Gombak, semalam. - UTUSAN/ZAKARIA IDRIS

Sumbat 176kg ganja dalam bonet kereta

Oleh FARABI SAID AL JABRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 MAC

TIDAK sampai seminggu beroperasi, satu sindiket pengedaran ganja tempatan berjaya dipatahkan susulan penahanan dua lelaki yang membawa 176 kilogram (kg) bahan terlarang di dalam sebuah kereta di Plaza Tol Rawang dekat sini semalam.

Dalam operasi pukul 2.40 hingga 3 pagi itu, Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman dengan kerjasama Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan Kedah itu merampas dadah yang dianggar bernilai RM528,000 daripada kedua-dua suspek berusia 23 dan 35 tahun. Pengarah Jabatan Siasatan

Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, sindiket berkenaan berjaya dihidu pihak berkuasa hasil maklumat orang ramai berhubung kegiatan terbabit.

"Dalam operasi itu, dua suspek tersebut dikatakan dalam perjalanan dari arah utara menuju ke Gombak dengan menaiki sebuah kereta jenis BMW 3 Series.

"Hasil pemeriksaan polis berjaya menemukan 175.61 kilogram dadah di dalam 176 plastik yang diletakkan di dalam bonet kereta terbabit," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak dekat sini hari ini.

Jelas Mohamad, hasil operasi berkenaan turut menyita sebuah Perodua Myvi dipercayai milik seorang daripada suspek yang terlibat dalam kes tersebut.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati kedua-dua lelaki yang bekerja sendiri itu tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau dan hasil ujian air kencing mendapati mereka negatif dadah.

"Kita percaya kesemua dadah itu dibawa masuk dari negara jiran, manakala pasarannya disasarkan kepada rakyat tempatan. Hasil rampasan dadah tersebut dilihat mampu untuk digunakan oleh 351,220 penagih," ujarnya.

Beliau memberitahu, kedua-dua suspek tersebut direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan.

